

D203

U B994 DEB  
MAHATHIR

JITRA, 16 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI UMAT ISLAM DI LUAR BANDAR SUPAYA TERUS HIDUP BERSATU PADU DEMI KEBAIKAN UMMAH.

BELIAU BERKATA DENGAN HASRAT Mencari Perpaduanlah +saya menjemput beberapa orang pemimpin sebuah parti pembangkang ke rumah saya baru-baru ini untuk berunding.+

PERDANA MENTERI MENASIHATI DEMIKIAN PADA MAJILS BERBUKA PUASA DAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN DI MASJID KAMPUNG MALAU, DEKAT SINI MALAM INI. -- LAGI  
2225MST 16 05 86

D204

U B995 DEB  
MAHATHIR 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN TUDUHAN OLEH ORANG-ORANG ISLAM KE ATAS ORANG ISLAM LAIN SEBAGAI KAFIR SEBAGAI SATU KEZALIMAN YANG BERAT.

KATANYA, TUDUHAN ITU BOLEH MENIMBULKAN KESAN BERAT KE ATAS MEREKA YANG DITUDUH.

+OLEH ITU ATAS SEMANGAT ISLAM KITA HENDAKLAH BERHATI-HATI DALAM TINDAK TANDUK KITA, KALAU TIDAK TUDUHAN ITU BERBALIK KEPADA SI YANG MEMBUAT TUDUHAN,+ KATANYA.

KATANYA KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA MENGELAK PERPECAHAN DI ANTARA UMAT ISLAM.

MENURUT PERDANA MENTERI, ATAS KESEDARAN MENGELAK PERPECAHAN ITU BELIAU MENGAMBIL DAYA USAHA MENJEMPUT PEMIMPIN-PEMIMPIN SEBUAH PARTI POLITIK KE RUMAHNYA UNTUK BERUNDING BARU-BARU INI. -- LAGI.  
2228MST 16 05 86

U B996 DEB  
MAHATHIR 3 JITRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU BANGGA ATAS KESUDIAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI BERKENAAN MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU DAN BERUNDING.

+MALANGNYA SELEPAS PERUNDINGAN ITU ADA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI ITU YANG TIDAK DIJEMPUT MENAFIKAN PERJUMPAAN ITU,+ KATANYA.

KATANYA, KERAJAAN SEDAR BAHAWA UNTUK Mencari Perpaduan ia memerlukan kerjasama dua pihak dan ia tidak dapat dicapai secara perseendirian.

KATANYA, JIKA ADA PIHAK YANG TIDAK SETUJU DIADAKAN MUZAKARAH BIARLAH IANYA TERHAD KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN TERTENTU SAHAJA. -- LAGI.  
2231MST 16 05 86

U B997 DEB  
MAHATHIR 4 JITRA

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT INGINKAN PERPADUAN DAN MENENTANG KEZALIMAN BUKAN SAHAJA TERHADAP PENDUDUK DI DALAM NEGERI INI TETAPI KERAJAAN SENTIASA MENENTANG KEZALIMAN WALAUPUN DI MANA-MANA SEPERTI LANGKAH KERAJAAN MENGUTUK TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT MELEPASKAN BOM DI LIBYA.

KATANYA, PENDIRIAN KERAJAAN MENGUTUK AMERIKA SYARIKAT BERIKUTAN PENGEBOMAN KE ATAS LIBYA DISANJUNG TINGGI OLEH LIBYA.

BARU-BARU INI WAKIL KHAS KOLONEL MUAMMAR GHADAFY, DR AHMAD SHARIF MENYAMPAIKAN UCAPAN TAHNIAH KERAJAAN LIBYA ATAS PENDIRIAN TEGAS MALAYSIA.

KATANYA LANGKAH INI PATUT JADI PEGANGAN SETIAP UMAT ISLAM DENGAN MENGUTUK SEMUA PERBUATAN YANG ZALIM WALAU DI MANA SEKALIPUN.

+PERBUATAN MENGUTUK KEZALIMAN SEJAJAR DENGAN AJARAN ISLAM TIDAK KIRA SAMA ADA KEZALIMAN ITU DILAKUKAN KE ATAS ORANG ISLAM ATAUPUN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM,+ KATANYA. -- LAGI.

2234MST 16 05 86

MAHATHIR 5 JITRA

KATANYA MALAYSIA YANG MENGAMALKAN PEMERINTAHAN DEMOKRASI AKAN TETAP MENGAMALKAN KEADILAN.

BELIAU BERHARAP UMAT ISLAM TIDAK MEMBUAT TUDUHAN DAN FITNAH TERHADAP SESEORANG ATAU KUMPULAN TANPA PENYELIDIKAN YANG RAPI.

KATANYA USAHA UNTUK MENGELAK KETEGANGAN DI KALANGAN UMAT ISLAM IALAH DENGAN MENGADAKAN PERBINCANGAN, MUZAKARAH DAN RUNDINGAN SECARA DAMAI SESAMA ORANG ISLAM.

BELIAU BERKATA, +KITA HARUS Mencari jalan mengatasi segala masalah dan sekiranya kita tidak mendapat petunjuk haruslah merujuk kepada AL-QURAN DAN HADIS.

PERDANA MENTERI BERHARAP PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI POLITIK BERKENAAN SENTIASA BERUNDING ANTARA SATU SAMA LAIN KERANA +KITA ADALAH BERSAUDARA DAN KITA TIDAK AHU MELANGGAR HUKUM ALLAH.+ -- LAGI.

2238MST 16 05 86

D210

U B999 DEB  
MAHATHIR 6 JITRA

SEBAGAI ORANG ISLAM TETAPI BERBEZA DALAM PARTI POLITIK TIDAK BERMAKNA KITA TIDAK BOLEH DUDUK SEMEJA UNTUK BERUNDING, UJAR PERDANA MENTERI.

JIKA SAMPAI PERINGKAT PULAU MEMULAU, ORANG YANG SUDAH BERKAHWIN DIKEHENDAKI BERKAHWIN SEMULA MAKA AKAN RETAKLAH PERHUBUNGAN PERSAUDARAAN ISLAM, KATANYA.

TANPA MENYEBUT PARTI POLITIK YANG BERKENAAN PERDANA MENTERI BERKATA, KEDUA-DUA PARTI HARUS BERTINDAK MELAWAN KEZALIMAN DAN HARUS BERSATU PADU DEMI PERPADUAN UMMAH. -- BERNAMA

2239MST 16 05 86